

**B. Baca dan fahami petikan. Kemudian, lengkapkan peta pokok di bawah ini.**

Nama saya Sofia. Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Seri Jaya. Ayah saya bekerja sebagai polis di Balai Polis Johor. Ibu saya pula bekerja sebagai doktor di Hospital Sri Jaya Utama. Mereka berdua bekerja keras untuk keluarga.

Ibu saya sangat rajin dan bijak. Ibu selalu meluangkan masa untuk bersama-sama saya dan adik yang lain setiap hari. Walaupun ibu penat, ibu akan selalu ada bersama kami.

Ayah saya seorang yang tegas dan berani. Ayah akan selalu memberikan tunjuk ajar setiap kali kami melakukan kesilapan.

Saya mempunyai dua orang adik. Amin dan Aliah sentiasa menceriakan situasi di rumah.



**JENIS KATA**

Kata Nama Khas

Kata ganti nama

---

---

---

---


---

---

---

---

### C. Baca dan catat maklumat di bawah.



Pada minggu lepas, Amin telah pergi ke pasar pagi dengan ibunya. Ibunya membeli buah-buahan kerana mempunyai banyak vitamin. Amin suka makan buah-buahan seperti mangga dan rambutan. Ibu juga telah membeli buah-buahan lebih untuk diberikan kepada jiran-jiran.

Jiran kami, Mak Timah mempunyai pokok betik dan sering berkongsi betiknya kepada kami.

1. Amin pergi pasar bersama \_\_\_\_\_
2. Ibu membeli buah-buahan lebih kerana \_\_\_\_\_
3. Mak Timah ialah \_\_\_\_\_
4. Mak Timah mempunyai \_\_\_\_\_